

Headline	Sektor kewangan berperanan kurang kesan perubahan iklim		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	22 Sep 2022	Circulation	82,252
Section	Bisnes	Readership	246,756
Page No	25	ArticleSize	263 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 8,709
Journalist	N/A	PR Value	RM 26,127
Frequency	Daily		



Sektor kewangan berperanan kurang kesan perubahan iklim

Sektor kewangan memainkan peranan penting dalam membantu ekonomi dan masyarakat mengurangkan risiko impak perubahan iklim, kata Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Jessica Chew Cheng Lian.

Beliau berkata, risiko fizikal yang berkaitan dengan perubahan iklim semakin meningkat, dibuktikan dengan penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19 dan banjir teruk yang berlaku pada selang masa yang lebih pendek dan dengan intensiti yang lebih besar.

Katanya, risiko peralihan juga semakin meningkat, justeru perubahan selanjutnya dalam dasar iklim tidak dapat dilewati untuk mencapai sasaran sifar bersih menjelang 2050.

Tambahnya, perubahan teknologi juga akan membawa ke-

san ekonomi dan kewangan yang ketara kepada perniagaan dan mereka yang membayainya.

"Sektor kewangan mempunyai peranan penting membantu ekonomi dan masyarakat mengurangkan risiko ini. Di BNM, kami melihat perkara ini daripada dua perspektif.

"Pertama, sebagai sebahagian daripada mandat untuk mengurus risiko kepada kestabilan kewangan, kami mengharapkan institusi kewangan memahami bagaimana pemacu risiko berkaitan iklim boleh memberi kesan kepada pendedahan risiko mereka termasuk risiko kredit, pasaran dan insurans daripada aktiviti pinjaman, taja jamin dan pelaburan.

"Kedua, kami percaya bahawa sektor kewangan boleh dan harus memainkan peranan pemangkin dalam peralihan ke

arah ekonomi rendah karbon melalui kawalan sumber yang memacu ekonomi," katanya pada Persidangan Pembangunan dan Pembiayaan Perumahan Hijau di Asia anjuran Cagamas Bhd.

Potensi perumahan hijau

Mengenai perkembangan kewangan perumahan hijau, Cheng Lian berkata, banyak lagi yang boleh dilakukan oleh institusi kewangan di Malaysia bagi membuka potensi untuk meningkatkan kewangan perumahan hijau.

Beliau berkata, aktiviti pembiayaan semasa banyak tertumpu kepada pengguna akhir, yang boleh dikembangkan kepada pemaju dan mereka yang terbabit dalam aktiviti pembinaan seperti juruterma dan pembekal bahan mentah, dengan sebahagian besarnya ma-

sih belum diterokai.

Katanya, produk perlindungan, seperti insurans perumahan hijau juga kekal sebagai pasaran yang belum diterokai di Malaysia meskipun bilangan bangunan hijau semakin meningkat di negara ini.

**Jessica Chew
Cheng Lian,**
Timbalan Gabenor
Bank Negara
Malaysia

